

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL
[TENOM]**

TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah-langkah yang telah dirancang untuk mengatasi masalah bekalan air bersih di Sabah terutamanya di kawasan yang jauh daripada sumber air sungai bersih seperti di pulau dan kawasan pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman yang berhormat, secara dasarnya, penyediaan bekalan air bersih dan terawat adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) yang melibatkan penyediaan sumber air, pembinaan paip utama, pembinaan loji rawatan air serta pengoperasian dan penyelenggaraan.

Peranan dan matlamat Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) adalah membantu mempercepatkan liputan dan merapatkan jurang bekalan air bersih dan terawat ke kawasan luar bandar melalui penyambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah yang belum mendapat bekalan air bersih dan terawat.

Bagi kawasan-kawasan luar bandar yang kritikal, Kementerian boleh mempertimbangkan membina atau menaiktaraf loji rawatan air, pembinaan paip utama, pembinaan tangki dan rumah pam bagi memastikan kawasan sasaran mendapat bekalan air terawat dengan tekanan dan kapasiti yang mencukupi.

Bagi kawasan yang jauh dari sumber air yang bersih, Kementerian mempunyai sistem air alternatif seperti sumber air bawah tanah, tandak sungai, perigi dan sumber air hujan bagi tujuan bekalan air bersih.